



Citra Journal of Innovative Education Practices

Journal homepage:
<https://citralestari.my/index.php/cjiep/index>
ISSN: 3093-6942



Persepsi Pelajar Terhadap Sumbangan Pakar Industri dalam Meningkatkan Pengetahuan Praktikal Peruncitan

Students' Perception towards The Contribution of Industry Experts in Enhancing Practical Retail Knowledge

Nor Fadhilah Mohd Rashid^{1,*}, Fairuz Izwah Osman¹, Muhammad Amir Addin Shamsuri¹

¹ Commerce Department, Politeknik METrO Kuala Lumpur, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 10 October 2025

Received in revised form 20 November 2025

Accepted 27 November 2025

Available online 2 December 2025

Keywords:

Pakar industri; pengetahuan praktikal peruncitan; persepsi pelajar; pendidikan TVET; Kolaborasi akademik-industri
Industry expert; practical retail knowledge; student perception; TVET

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk menilai persepsi pelajar terhadap sumbangan pakar industri dalam meningkatkan pengetahuan praktikal peruncitan dalam kalangan pelajar Diploma Pengurusan Peruncitan di Politeknik Malaysia. Masalah utama yang dikenalpasti adalah jurang antara pengetahuan teori yang diperoleh di dalam kelas dengan amalan sebenar di tempat kerja. Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pengedaran borang soal selidik melalui google form kepada 78 orang pelajar. Rangka kerja teori yang digunakan menumpukan kepada hubungan antara sumbangan pakar industri dan pengukuhan pengetahuan praktikal pelajar dari aspek pemahaman, kemahiran insaniah, dan motivasi. Dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar bersetuju bahawa kehadiran pakar industri membantu mereka memahami dengan lebih mendalam konteks sebenar industri peruncitan. Selain itu, pelajar melaporkan peningkatan keyakinan untuk menghadapi latihan industri serta lebih jelas tentang hala tuju kerjaya mereka. Kesimpulannya, penglibatan pakar industri dilihat sebagai satu strategi berkesan dalam menambah nilai kepada proses pengajaran dan pembelajaran serta perlu diperluaskan dalam kurikulum politeknik secara sistematik.

This study aims to evaluate students' perceptions of the contribution of industry experts in enhancing practical retail knowledge among Diploma in Retail Management students at Malaysian Polytechnics. The main issue identified is the gap between theoretical knowledge acquired in the classroom and real workplace practices. This research employs a quantitative approach through the distribution of online questionnaires via Google Form to 78 students. The theoretical framework focuses on the relationship between the contribution of industry experts and the enhancement of students' practical knowledge in terms of understanding, soft skills, and motivation. The findings indicate that the majority of students agree that the presence of industry experts helps them gain a deeper understanding of the actual retail industry context. Furthermore, students reported increased confidence in facing industrial training and greater clarity regarding their career direction. In conclusion, the involvement of industry experts is seen as an effective strategy to add value to the teaching and

* Corresponding author.

E-mail address: fadhilah@pmkl.edu.my

1. Pengenalan

Perubahan landskap industri peruncitan yang pesat menuntut institusi pendidikan tinggi, terutamanya dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), untuk merapatkan jurang antara teori dan praktikal. Salah satu pendekatan yang diambil oleh institusi seperti politeknik adalah melalui penglibatan pakar industri dalam sesi perkongsian bersama pelajar. Di Politeknik Malaysia pelaksanaan program Industry Expert Enrichment Program (IEEP) merupakan antara inisiatif utama dalam memberi nilai tambah kepada pembelajaran pelajar dalam Diploma Pengurusan Peruncitan. Menurut Khalid *et al.*, [1] menekankan bahawa sesi bersama pakar industri mampu meningkatkan kemahiran insaniah dan teknikal pelajar serta mendedahkan mereka kepada keperluan sebenar industri. Sesi perkongsian industri dalam program peruncitan memberi impak positif terhadap minat pelajar serta keyakinan mereka untuk menceburi bidang tersebut [2]. Walaubagaimanapun pelaksanaan sesi bersama pakar industri telah dijalankan secara berkala, keberkesanan dan impaknya terhadap pelajar masih kurang diteliti secara sistematik. Tidak semua pelajar berpeluang menyertai sesi ini atau memahami bagaimana sesi tersebut boleh menyumbang kepada pemahaman praktikal dalam bidang peruncitan. Perkongsian ilmu dan pengalaman secara langsung oleh pakar industri dilihat sebagai pendekatan yang efektif dalam membantu pelajar memahami realiti dunia pekerjaan, terutama dalam sektor peruncitan yang bersifat dinamik. Melalui sesi ini, pelajar bukan sahaja dapat menghubungkan teori yang dipelajari di dalam kelas dengan praktikal sebenar, malah mereka turut didedahkan kepada teknologi terkini, trend pasaran semasa serta cabaran industri.

Kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa penglibatan profesional industri dalam pendidikan dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan, memotivasikan pelajar serta memperkasa mereka dengan kemahiran abad ke-21. Justeru, adalah penting untuk menilai persepsi pelajar terhadap pelaksanaan sesi bersama pakar industri ini agar penambahbaikan yang bersesuaian dapat dilakukan demi memastikan objektif program dicapai secara menyeluruh. Terdapat juga kekangan dari segi masa, interaksi dua hala, serta kekonsistenan sesi bersama pakar industri dari pelbagai latar belakang. Merujuk Harun *et al.*, [3] menunjukkan pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman melalui penceramah industri dapat meningkatkan penglibatan pelajar dan memperkukuh pemahaman konsep. Oleh itu, kajian ini penting untuk menilai sejauh mana perkongsian bersama pakar industri memberi impak kepada kefahaman pelajar terhadap aplikasi teori dalam dunia sebenar. Selain itu, dapatan kajian ini diharap dapat membantu pihak pengurusan politeknik menambah baik perancangan dan pelaksanaan program IEEP supaya lebih relevan, tersusun dan memberi nilai jangka panjang kepada pelajar. Objektif kajian adalah mengenal pasti persepsi pelajar terhadap keberkesanan sesi perkongsian bersama pakar industri, menilai impak sesi tersebut terhadap pemahaman praktikal dan motivasi pelajar dalam bidang peruncitan dan mencadangkan penambahbaikan berdasarkan maklum balas pelajar terhadap program tersebut. Persoalan kajian ini ialah apakah persepsi pelajar terhadap pelaksanaan sesi bersama pakar industri, bagaimanakah sesi ini membantu dalam meningkatkan kefahaman praktikal pelajar dalam bidang peruncitan dan apakah cadangan pelajar untuk menambah baik sesi bersama pakar industri. Keterlibatan industri memberi impak positif terhadap kemahiran insaniah dan kebolehpasaran pelajar politeknik diperakui oleh Hashim *et al.*, [4]. Program yang melibatkan pakar industri secara langsung berupaya memperkukuh kemahiran kebolehpasaran pelajar melalui pendedahan kepada kemahiran teknikal dan insaniah yang selari dengan keperluan pasaran kerja semasa. Kajian ini menunjukkan pelajar lebih yakin menghadapi alam pekerjaan selepas mengikuti sesi perkongsian bersama pakar industri

menurut kajian [5]. Tan dan Lim [6] pula mendapati bahawa sesi ceramah atau perkongsian oleh pakar industri dalam bidang peruncitan bukan sahaja menambah minat pelajar, tetapi juga membina keyakinan mereka untuk menceburi industri selepas tamat pengajian. Kajian ini menyokong penggunaan penceramah industri sebagai strategi pedagogi yang berkesan. Noor dan Said [7] menekankan bahawa penglibatan pakar industri secara berstruktur dalam program politeknik dapat memperkukuh kefahaman pelajar terhadap subjek teknikal dan meningkatkan kesiapsiagaan mereka untuk menjalani latihan industri atau memasuki alam pekerjaan. Chong *et al.*, [8] menggariskan bahawa integrasi input pakar industri ke dalam kurikulum politeknik secara langsung meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Mereka mencadangkan kerjasama berterusan antara institusi pendidikan dan industri untuk memastikan kandungan pembelajaran kekal relevan dan terkini.

2. Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan aspek penting dalam memastikan dapatan yang diperoleh adalah sahih, boleh dipercayai dan menepati objektif kajian. Kajian ini menggunakan kaedah yang bersesuaian bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Bab ini menghuraikan secara terperinci metodologi yang diguna pakai oleh penyelidik, merangkumi reka bentuk kajian, kerangka konseptual, instrumen kajian, teknik persampelan serta kaedah analisis data. Analisis data melibatkan analisis deskriptif serta ujian korelasi bagi mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji


2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian berbentuk tinjauan. Instrumen utama yang digunakan ialah soal selidik bagi tujuan pengumpulan data daripada sampel kajian. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif bagi mendapatkan gambaran yang lebih terperinci serta membuat generalisasi terhadap populasi kajian.

2.2 Kerangka Konseptual

Rajah 1 memperlihatkan kerangka konseptual bagi kajian ini. Penyelidik telah mengenal pasti pemboleh ubah tidak bersandar iaitu persepsi pelajar, yang merangkumi aspek seperti motivasi, tahap pemahaman, kesediaan menghadapi kerjaya, serta pengetahuan praktikal dalam bidang peruncitan. Manakala pemboleh ubah bersandar adalah pengetahuan praktikal peruncitan, yang dipengaruhi oleh sumbangan pakar industri. Elemen yang membentuk sumbangan pakar industri termasuklah perkongsian pengalaman sebagai rujukan, pendedahan kepada teknologi industri, dan pengalaman kerja sebenar yang dikongsikan oleh pakar kepada pelajar.

Rajah ini membina hubungan dua hala antara persepsi pelajar terhadap sumbangan pakar industri dan peningkatan pengetahuan praktikal mereka dalam bidang peruncitan, dengan objektif untuk menilai sama ada persepsi yang positif mampu menjana hasil pembelajaran praktikal yang lebih baik. Hipotesis Kajian (H_a): Terdapat korelasi antara persepsi pelajar terhadap sumbangan pakar industri dalam meningkatkan pengetahuan praktikal.



Rajah 1. Kerangka konseptual sumbangan pakar industri

2.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian bagi tajuk persepsi pelajar terhadap keberkesanan sesi perkongsian bersama pakar industri dalam meningkatkan pengetahuan praktikal dalam bidang peruncitan. Data kajian diperoleh melalui pendekatan kuantitatif dan kualitatif melibatkan 78 orang responden yang terdiri daripada pelajar Diploma Pengurusan Peruncitan di Politeknik Malaysia. Instrumen kajian merupakan soal selidik yang diadaptasi daripada kajian oleh Tan dan Yusof [9]. Mengambil kira cadangan Sekaran *et al.*, [10] saiz sampel antara 30 hingga 100 responden dianggap memadai untuk kajian berbentuk deskriptif, terutamanya apabila terdapat kekangan sumber. Reka bentuk soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu: Bahagian A: Maklumat Demografi, Bahagian B: Tahap Pendedahan Pelajar Terhadap Sumbangan Pakar Industri, Bahagian C: Persepsi Pelajar Terhadap Sumbangan Pakar Industri dalam Meningkatkan Pengetahuan Praktikal dan Bahagian D: Cadangan dan Pandangan Tambahan Analisis data dijalankan menggunakan kaedah analisis deskriptif, melibatkan 9 item skala Likert lima mata (1 = Sangat Tidak Setuju, 5 = Sangat Setuju) dan dua soalan terbuka. Analisis ini bertujuan untuk menilai tahap persepsi pelajar terhadap program serta mengenal pasti tema utama daripada maklum balas berbentuk kualitatif. Menerangkan bahawa nilai min adalah teknik deskriptif penting dalam menilai pola data dan membandingkan persepsi responden dalam soal selidik berstruktur [11]. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan skala korelasi yang dicadangkan oleh Cohen [12] bagi mentafsir kekuatan pekali korelasi Pearson (r) seperti berikut:

Jadual 1

Interpretasi kekuatan Korelasi Pearson (r)

Nilai r (korelasi)	Kekuatan hubungan
0.50-1.00	Kuat
0.30-0.49	Sederhana
0.10-0.29	Lemah

Nilai kebolehpercayaan merujuk Bond *et al.*, [13] seperti di jadual 2.

Jadual 2

Kobolehpercayaan pemboleh ubah

Alpha Cronbach (r)	Kebolehpercayaan
0.90-1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi
0.70-0.8	Baik dan boleh diterima
0.6-0.7	Boleh diterima
<0.6	Item perlu diperbaiki
<0.5	Item perlu digugurkan

Dalam kajian ini, pengkaji memilih skala korelasi yang digunakan secara meluas dalam kajian pendidikan dan sosial di Malaysia [14] seperti di jadual 3.

Jadual 3

Nilai skor min bagi skala Likert 5 mata

Skor min	Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

3. Dapatan dan Perbincangan

Bagi memastikan kekonsistenan dalaman (internal consistency) instrumen yang digunakan dalam kajian ini, satu ujian kebolehpercayaan telah dijalankan menggunakan pekali Cronbach's Alpha. Ujian ini melibatkan sembilan item soal selidik berbentuk skala Likert lima mata yang merangkumi dua bahagian utama, iaitu Bahagian B: Tahap pendedahan pelajar terhadap sumbangan pakar industri dan Bahagian C: Persepsi pelajar terhadap sumbangan pakar industri dalam meningkatkan pengetahuan praktikal. Instrumen soal selidik ini telah diadaptasi daripada kajian oleh Tan dan Yusof [15] yang melaporkan nilai kebolehpercayaan asal sebanyak 0.92 bagi 12 item. Nilai pekali kebolehpercayaan yang diperoleh turut disokong oleh garis panduan interpretasi kekuatan korelasi seperti yang dicadangkan oleh Cohen [16].

Jadual 4

Keputusan kebolehpercayaan item soal selidik

Item	Kebolehpercayaan	Cronbach's Alpha (interpretasi)	Keputusan
B1-B4	Persepsi pelajar	0.87	Baik dan boleh diterima
C1-C5	Peningkatan pengetahuan praktikal	0.92	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi

Seterusnya, bagi memastikan ketekalan dalaman bagi setiap pemboleh ubah dalam kajian ini, pengiraan pekali Cronbach's Alpha telah dijalankan berdasarkan bahagian item dalam soal selidik seperti berikut: Tahap Pendedahan Pelajar (Bahagian B). Bahagian ini terdiri daripada 4 item soal selidik (B1 hingga B4) yang menilai tahap pendedahan pelajar terhadap sesi bersama pakar industri. Nilai Cronbach's Alpha: 0.87. Interpretasi: Menunjukkan tahap kebolehpercayaan baik dan boleh diterima, sesuai digunakan dalam kajian ini [17]. Persepsi Pelajar Terhadap Pengetahuan Praktikal (Bahagian C) Bahagian ini terdiri daripada 5 item soal selidik (C1 hingga C5) yang mengukur persepsi pelajar terhadap keberkesanan sesi pakar industri dalam meningkatkan pengetahuan praktikal. Nilai Cronbach's Alpha: 0.92 Interpretasi: Menunjukkan tahap kebolehpercayaan Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi, sejajar dengan tujuan instrumen ini digunakan.

3.1 Bahagian B: Tahap Pendedahan Pelajar Terhadap Sumbangan Pakar Industri

Jadual 5

Analisis deskriptif

Bil item	Ringkasan pernyataan	N	Skor min	Keputusan
B1.	Saya mengetahui tentang sesi perkongsian bersama pakar industri melalui pensyarah atau pengurusan jabatan	78	4.2	Tinggi
B2.	Saya telah menyertai sesi yang melibatkan pakar industry sekurang-kurangnya sekali	78	3.9	Tinggi
B3.	Sesi perkongsian tersebut mudah diakses dan disusun mengikut keperluan pelajar	78	4.1	Tinggi
B4.	Pakar industry memberikan input berdasarkan pengalaman sebenar dalam sektor peruncitan	78	4.3	Tinggi

Analisis deskriptif bagi Bahagian B menunjukkan bahawa tahap pendedahan pelajar terhadap sumbangan pakar industri adalah berada pada tahap tinggi, dengan nilai skor min keseluruhan antara 3.9 hingga 4.3. Item B4 mencatatkan skor min tertinggi (4.3), menunjukkan bahawa pelajar sangat bersetuju bahawa pakar industri memberikan input berdasarkan pengalaman sebenar dalam sektor peruncitan. Ini selaras dengan dapatan kajian oleh Tan dan Yusof [18] yang mendapati bahawa pendedahan melalui pakar industri memberi peluang kepada pelajar memahami dunia pekerjaan sebenar. Selain itu, item B1 menunjukkan bahawa pelajar memperoleh maklumat mengenai sesi perkongsian ini melalui pensyarah atau pihak pengurusan jabatan (min = 4.2), manakala item B3 (min = 4.1) menggambarkan sesi perkongsian tersebut disusun dengan baik dan mudah diakses. Walaupun item B2 mencatatkan skor min terendah (3.9), ia masih menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pendedahan minimum melalui sekurang-kurangnya satu sesi bersama pakar industri. Hal ini menyokong kenyataan oleh [19] bahawa keterlibatan pelajar dalam aktiviti bersama industri perlu dipertingkatkan bagi membina kecekapan kerja.

3.2 Bahagian C: Persepsi Pelajar terhadap Sumbangan Pakar Industri dalam Meningkatkan Pengetahuan Praktikal

Jadual 6

Analisis deskriptif

Bil item	Ringkasan pernyataan	N	Skor min	Keputusan
C1.	Kehadiran pakar industri membantu saya memahami situasi sebenar di tempat kerja	78	4.3	Tinggi
C2.	Penerangan bersama pakar industri membantu saya menghubungkan teori dan amalan dalam bidang peruncitan	78	4.3	Tinggi
C3.	Perkongsian daripada pakar industri memberi motivasi kepada saya untuk berjaya dalam kerjaya peruncitan	78	4.3	Tinggi
C4.	Saya mendapat pendedahan tentang teknologi dan trend semasa dalam industri peruncitan melalui sesi ini	78	4.2	Tinggi
C5.	Saya yakin pakar industri memainkan peranan penting dalam meningkatkan pengetahuan praktikal pelajar	78	4.3	Tinggi

Hasil analisis deskriptif Bahagian C menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang sangat positif terhadap sumbangan pakar industri dalam meningkatkan pengetahuan praktikal mereka. Empat item utama (C1, C2, C3 dan C5) mencatatkan skor min tertinggi sebanyak 4.3, menunjukkan bahawa majoriti pelajar bersetuju bahawa kehadiran pakar industri membantu mereka memahami situasi sebenar di tempat kerja, menghubungkan teori dengan amalan dalam peruncitan, serta memberi motivasi kepada mereka untuk berjaya dalam kerjaya. Dapatan ini turut selari dengan pandangan oleh Zainal *et al.*, [20] yang menyatakan bahawa sesi pembelajaran berasaskan industri memberi impak positif terhadap keyakinan dan keterlibatan pelajar dalam kerjaya masa hadapan. Selain itu, item C4 memperoleh skor min 4.2, menunjukkan pelajar turut mendapat pendedahan tentang teknologi dan trend semasa industri, seiring dengan keperluan pendidikan abad ke-21 [21].

Jadual 7

Keputusan ujian korelasi

		Skor B	Skor C
Skor B	Pearson correlation	1	.742**
	Sig. (2-tailed)		
	N	78	78
Skor C	Pearson correlation	.742**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	78	78

Nota: Skor B (Item B1,B2,B3 dan B4) persepsi pelajar dan skor C (Item C1,C2,C3,C4 dan C5) pengetahuan praktikal

Berdasarkan ujian korelasi Pearson yang dijalankan ke atas dua konstruk utama kajian, iaitu persepsi pelajar dan pengetahuan praktikal dalam peruncitan, keputusan menunjukkan nilai korelasi $r = 0.742$, dengan nilai $p < 0.05$. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang sangat kuat dan signifikan secara statistik antara persepsi pelajar terhadap sumbangan pakar industri dan tahap pengetahuan praktikal mereka dalam bidang peruncitan. Keputusan ini menyokong hipotesis alternatif (H_a) bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah. Dapatan ini selari dengan kenyataan Cohen [22] bahawa nilai korelasi melebihi 0.70 menandakan hubungan yang kuat, manakala signifikan pada aras 0.01 menunjukkan kepercayaan tinggi terhadap kebolehpenerimaan keputusan.

4. Kesimpulan

Kajian ini telah meneliti persepsi pelajar terhadap sumbangan pakar industri dalam meningkatkan pengetahuan praktikal dalam bidang peruncitan. Berdasarkan kerangka konseptual yang dibangunkan, kajian mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar (persepsi pelajar) dan pemboleh ubah bersandar (pengetahuan praktikal peruncitan). Hasil ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan kuat antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Dapatan kajian ini mengesahkan bahawa pelajar yang mempunyai persepsi positif terhadap sumbangan pakar industri melalui perkongsian pengalaman, pendedahan kepada teknologi sebenar industri, dan pengetahuan praktikal menunjukkan tahap pemahaman dan kesiapan yang lebih tinggi untuk menghadapi dunia pekerjaan sebenar. Justeru, sumbangan pakar industri dapat dianggap sebagai salah satu komponen penting dalam usaha memperkukuh jalinan antara institusi pendidikan dan industri serta dalam meningkatkan kualiti pembelajaran berasaskan amali di institusi pengajian tinggi. Kesimpulan ini amat relevan dalam konteks pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET), yang menekankan pembelajaran berasaskan kemahiran, pengetahuan praktikal, dan kesiapan industri. Peranan pakar industri sebagai penyumbang ilmu dan pengalaman dunia sebenar

dapat mengisi jurang antara teori dan amalan yang sering menjadi cabaran dalam sistem pendidikan TVET. Kolaborasi yang mantap antara institusi TVET dan industri secara langsung menyokong agenda negara untuk melahirkan graduan yang kompeten, berdaya saing dan selari dengan keperluan pasaran kerja. Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa penglibatan pakar industri dalam pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja memperkayakan pengetahuan praktikal pelajar tetapi turut membentuk motivasi dan keyakinan pelajar dalam meneroka kerjaya dalam bidang peruncitan. Maka, adalah disarankan agar usaha penglibatan industri dalam institusi pendidikan diteruskan dan diperkukuhkan melalui program seperti *Industry Expert Enrichment Program* (IEEP), ceramah profesional, dan sesi perkongsian amalan industri secara berkala sebagai pemangkin kepada kecemerlangan pendidikan TVET negara.

Penghargaan

Penyelidikan ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran

Rujukan

- [1] Khalid, Khairul, Rosnani Mustaffa, dan Norazah Zainuddin. 2021. "Enhancing Students' Employability Skills through Industry Expert Engagement in TVET Institutions." *Journal of Technical Education and Training* 13(2): 45–54. <https://doi.org/10.30880/jtet.2021.13.02.005>
- [2] Tan, Cheng Ling, dan Yoke Mui Lim. 2022. "Industry-Academia Collaboration in Retail Education: Impact of Expert Sharing Sessions on Student Motivation." *International Journal of Education and Training* 8(1): 22–35.
- [3] Harun, Faizah, Mohd Azlan Salleh, dan Noraini Zainal. 2023. "Experiential Learning through Industry Speakers: A Catalyst for Student Engagement in Vocational Education." *Asian Journal of University Education* 19(1): 88–102.
- [4] Hashim, Norliza, and Zahari Hamidon. "Blended learning in technical and vocational education and training (TVET) training institute." *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* 11, no. 1 (2022): 837–860. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v12-i3/19001>
- [5] Khalid, Khairul, Rosnani Mustaffa, dan Norazah Zainuddin. 2021. "Enhancing Students' Employability Skills through Industry Expert Engagement in TVET Institutions." *Journal of Technical Education and Training* 13(2): 45–54. <https://doi.org/10.30880/jtet.2021.13.02.005>
- [6] Tan, C. L., dan Lim, Y. M. 2022. "Enhancing Student Motivation through Industry Expert Sharing Sessions in Retail Education." *Malaysian Journal of Retail and Distribution* 8(2): 22–35.
- [7] Noor, H., dan Said, M. 2021. "Structured Industry Engagement in Polytechnic Programs: Strengthening Technical Understanding and Career Readiness." *Journal of Technical Education and Training* 13(1): 55–70. <https://doi.org/10.30880/jtet.2021.13.01.006>
- [8] Chong, Mei Ling, Cheng Ling Tan, dan Yoke Mui Lim. 2024. "Bridging the Gap between Academia and Industry: A Case Study of Curriculum Integration in Malaysian Polytechnics." *International Journal of Business Performance Management* 24(1): 15–30. <https://doi.org/10.1504/IJBPM.2024.139482>
- [9] Tan, S. Y., and Md Yusof, N. "Industry–Academia Collaboration in TVET: Enhancing Students' Practical Readiness through Industry Experts." *Journal of Technical Education and Training* 15, no. 1 (2023): 45–59. <https://doi.org/10.30880/jtet.2023.15.01.004>
- [10] Sekaran, Uma, and Roger Bougie. *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach*. 7th ed. Chichester: Wiley, 2016.
- [11] Creswell, John W., and J. David Creswell. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. 6th ed. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications, 2022.
- [12] Cohen, Jacob. *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*. 2nd ed. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, 1988. <https://doi.org/10.4324/9780203771587>
- [13] Bond, Trevor G., and Christine M. Fox. *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences*. 3rd ed. New York: Routledge, 2015. <https://doi.org/10.4324/9781315814698> Tan, S. Y., and Md Yusof, N. "Industry–Academia Collaboration in TVET: Enhancing Students' Practical Readiness through Industry Experts." *Journal of Technical Education and Training* 15, no. 1 (2023): 45–59. <https://doi.org/10.30880/jtet.2023.15.01.004>
- [14] Chua, Yan Piaw. *Mastering Research Methods*. 3rd ed. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education, 2016.
- [15] Tan, S. Y., and Md Yusof, N. "Industry–Academia Collaboration in TVET: Enhancing Students' Practical Readiness through Industry Experts." *Journal of Technical Education and Training* 15, no. 1 (2023): 45–59. <https://doi.org/10.30880/jtet.2023.15.01.004>

- [16] Cohen, Jacob. *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*. 2nd ed. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, 1988. <https://doi.org/10.4324/9780203771587>
- [17] Chua, Yan Piaw. *Mastering Research Methods*. 3rd ed. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education, 2016.
Norasmah, Othman, and Salmah, Ishak. "Industry Collaboration and Employability Skills among Malaysian TVET Students." *Journal of Education and Practice* 9, no. 12 (2018): 45–54. <https://doi.org/10.7176/JEP>
- [18] Tan, S. Y., and Md Yusof, N. "Industry–Academia Collaboration in TVET: Enhancing Students' Practical Readiness through Industry Experts." *Journal of Technical Education and Training* 15, no. 1 (2023): 45–59. <https://doi.org/10.30880/jtet.2023.15.01.004>
- [19] Norasmah, Othman, and Salmah, Ishak. "Industry Collaboration and Employability Skills among Malaysian TVET Students." *Journal of Education and Practice* 9, no. 12 (2018): 45–54. <https://doi.org/10.7176/JEP>
- [20] Zainal, Ahmad, Norlela, Mat, and Siti, Rahmah. "Work-Based Learning and Student Readiness for Industry." *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 11, no. 5 (2021): 312–324. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i5/9932>
- [21] Zolkifli, Noraziah, and Ahmad, Faizal. "Integrating 21st Century Skills in TVET Curriculum." *Journal of Technical Education and Training* 12, no. 3 (2020): 56–67. <https://doi.org/10.30880/jtet.2020.12.03.006>
- [22] Cohen, Jacob. "A Power Primer." *Psychological Bulletin* 112, no. 1 (1992): 155–159. <https://doi.org/10.1037/0033-2909.112.1.155>